



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

24 JAM

# BERITA

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

**Untuk makluman:**

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 24 Mac 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

## MACP, PPM, RPM persoal garis panduan hak cipta

**Organisasi** pengurusan kolektif industri muzik seperti Badan Perlindungan Hak Cipta Muzik Berhad (MACP), Public Performance Malaysia (PPM) dan Recording Performers Malaysia (RPM) meluahkan keibingungan berhubung Garis Panduan Hak Cipta Organisasi Pengurusan Kolektif 2025.

Melalui kenyataaan bersama, organisasi terbabit merujuk kepada garis panduan yang dikeluarkan di laman web rasmi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 17 Januari lalu, disusuli kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, berhubung isu berkenaan, baru-baru ini.

"Ketika sesi libat urus anjuran Bahagian Hak Cipta MyIPO

bersama pengurusan organisasi pengurusan kolektif pada 12 Mac lalu, MACP, PPM dan RPM meluahkan pendirian bahawa garis panduan itu diterbitkan, dimuktamakan secara unilateral tanpa konsultasi dengan kami.

"Kebanyakan peruntukan dalam garis panduan adalah ultra vires, iaitu melampaui bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan bercanggah dengan undang-undang lain yang berkuat kuasa."

"Berikut itu, kami berpendapat bahawa garis panduan itu tidak sewajarnya diterima pakai oleh kami," kata kenyataan itu.



Armizan Mohd Ali

MACP, PPM dan RPM mendakwa pendekatan diambil dalam penyediaan Garis Panduan Hak Cipta 2025 menimbulkan keraguan dalam kalangan badan pengumpulan royalti secara kolektif atau Collective Management Organization (CMO) dan pemegang hak cipta.

"Kami berpendapat bahawa beberapa peruntukan garis panduan itu melampaui autonomi dan kebebasan CMO dalam menjalankan operasi utama, iaitu melindungi kepentingan pemegang hak cipta."

"Sebagai entiti yang bertanggungjawab melindungi pem-

gang hak cipta, kami berpendirian sebarang perubahan regulatori yang mengawal selia industri hak cipta perlu dibuat secara telus, adil dan melalui perbincangan menyeluruh bersama pihak berkepentingan."

"Langkah pengenalan garis panduan ini tanpa konsultasi yang mencukupi boleh memberikan impak negatif terhadap operasi CMO yang sedia ada serta hak pemegang hak cipta dan pemain utama dalam industri muzik Malaysia," katanya.

### Syor bincang terbuka

MACP, PPM dan RPM turut menggesa pihak berkuasa menganjurkan perbincangan terbuka dengan semua pemegang taruh, terutama yang terbabit secara langsung dengan Garis

Panduan CMO.

Ia bagi memastikan sebarang perubahan peraturan tidak menjaskan kepentingan industri muzik dan pemegang hak cipta.

"Kami meneckan bahawa sebarang perubahan yang memberi kesan kepada industri hak cipta perlu mengambil kira kehendak dan cabaran yang dihadapi pencipta, pemegang hak cipta dan pihak yang bergantung kepada sistem pengurusan hak cipta."

"CMO memainkan peranan penting dalam memastikan pemegang hak cipta menerima imbuhan yang sewajarnya atas hasil kerja kreatif mereka."

"Sebarang perubahan terhadap sistem ini perlu memastikan hak mereka terus dilindungi tanpa gangguan yang tidak perlu," katanya.



KPDN Sibu enforcement officer conducts inspection on a shop in Sibu town.

## Hari Raya 2025 SHMMP for Sibu Division lists 22 items

**SIBU:** Twenty-two items have been gazetted under Hari Raya Aidilfitri 2025's Festive Season Maximum Pricing Scheme (SHMMP) for Sibu Division, effective from today (March 24) to April 7.

The items listed are imported beef, mackerel including 'mabung' (Indian mackerel), 'selayang' (local sardine), imported round cabbage (from Indonesia and China, excluding Beijing cabbage), green mustard greens, cucumbers, tomatoes, red chillies, long beans, carrots, large yellow onions, imported large red onions, small red onions from India, small red onions from India (Ros), garlic (from China), imported potatoes (from China), imported old ginger, ground nuts, dried curly chillies, whole coconut, grated coconut, and coconut milk.

In a statement issued yesterday, the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sibu Office chief Kelyn Bolhassan @ Halward warned that a notice under Section 21 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 could be issued to traders found to indiscriminately hiking up the prices of these gazetted items.

"Upon conviction, an individual can be fined up to RM100,000, sentenced to three years' jail, or both, or slapped with a compound of up to RM50,000.

"Companies, meanwhile, can be fined up to RM500,000 or slapped with a compound of up to RM250,000.

"Failure to display the pink price tags for the gazetted items can result in an individual to be fined up to RM10,000, or to receive a compound of up to RM5,000 upon conviction; any company committing this offence can be fined up to RM20,000, or receive a compound of up to RM10,000."

Kelyn reminded traders to always comply with regulations and practise ethical business conduct.

"To the consumers, exercise your rights responsibly," he added.

Any information or complaints about unethical activities of traders can be channelled to the ministry via the EZ ADU app, or e-aduan.kpdn.gov.my, or e-aduan@kpdn.gov.my.

Alternatively, call KPDN Sibu Office on 084-335622 or send WhatsApp message to 019-2794317.

# 22 jenis barang ditetapkan di bawah SHMMP Hari Raya Puasa di Sibu

**SIBU:** Sebanyak 22 jenis barang ditetapkan di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Hari Raya Puasa 2025 bagi bahagian Sibu.

Menurut kenyataan media Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), pelaksanaan skim ini bermula dari 24 Mac hingga 7 April 2025, iaitu selama 15 hari, bagi memastikan kestabilan harga barang keperluan asas sepanjang musim perayaan.

"Antara barang yang dikawal harga maksimum termasuk daging lembu import, ikan kembung, ikan selayang, kubis bulat import (Indonesia dan China, tidak termasuk kubis Beijing), sawi hijau, timun, tomato, cili merah, kacang panjang, lobak merah, bawang kuning besar, bawang merah besar import, bawang merah kecil India (termasuk jenis Ros), bawang putih (China), ubi ketang import (China), halia tua import, kacang tanah, cili kering keriting, kelapa biji, kelapa parut dan santan," kata kenyataan itu.

Sehubungan itu, KPDN



**PANTAU:** Seorang pegawai KPDN Bahagian Sibu menjalankan pemeriksaan harga telur di sebuah premis perniagaan bagi memastikan peniaga mematuhi peraturan kawalan harga yang ditetapkan.

memberi amaran bahawa tindakan tegas akan diam-bil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan.

Menurut kementerian itu, mana-mana individu yang menjual barang harga terkawal melebihi harga

maksimum boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 atau dipenjarai tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Mereka juga boleh dikenakan kompaun sehingga RM50,000.

"Bagi syarikat yang

melakukan kesalahan sama, denda sehingga RM500,000 atau kompaun maksimum RM250,000 boleh dikenakan.

"Selain itu, peniaga juga diwajibkan meletakkkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barang di bawah skim kawalan harga ini.

"Gagal berbuat demikian boleh menyebabkan individu dikenakan denda sehingga RM10,000 atau kompaun RM5,000 manakala syarikat boleh dikenakan denda maksimum RM20,000 atau kompaun RM10,000," katanya.

KPDN turut mengingatkan peniaga supaya tidak menaikkan harga secara mendadak selepas skim ini berakhir.

Pengguna juga digalakkan untuk lebih peka terhadap hak mereka dan menyalurkan aduan jika mendapati ada peniaga yang melanggar peraturan skim ini.

Sebarang aduan boleh dibuat menerusi aplikasi telefon pintar Ez ADU atau laman web rasmi kementerian di [e-aduan.kpdn.gov.my](https://e-aduan.kpdn.gov.my).

# RM644,332 food saved via Bazar Rahmah

## Lagatha Toyos

TAWAU: The MySaveFood Ramadan program saved 52,869.5 kilograms (kg) of food worth RM644,332.18 during this year's 20-day implementation of the Bazar Ramadan Rahmah (BRR).

The Deputy Minister of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), Senator Dr. Fuziah Salleh, said that the program, which involved 2,138 volunteers, was carried out in collaboration with the GEMA Malaysia Youth Organization (GEMA) and the Student Consumer Movement (GPS) across 123 bazaars nationwide.

According to her, MySaveFood in Sabah started in Keningau last year and has now expanded to Kota Kinabalu, Papar, Beaufort, and Tawau. 65 GPS members from 12 institutions, including Universiti Malaysia Sabah (UMS) and UiTM Sabah, among others, participate.

"This program aims to raise awareness about food waste management and help those in need, in line with the Sustainable Development Goal (SDG) to reduce food waste by 50% by 2030 and achieve Zero Hunger," she said.

She added that GPS members from Tawau Teacher Training Institute, Tawau Polytechnic, and Tawau Community College, who carried out the program at BRR Sabindo Plaza, managed to save around 400 kg of food for this district alone on Thursday.

She shared this information at a press conference on Friday during her Friday field visit to BRR Sabindo Plaza.

The visit also included monitoring the implementation of the Rahmah Madani Sales Program (PJRM) Raya at Gemilang Supermarket and inspecting a cooking oil packaging company as part of her visit to the Sabah Zone.

She stated that the current KPDN field



Dr Fuziah launching the MySaveFood Ramadan program.

visit focuses on three objectives: empowering BRR through the Rahmah menu and digitalization under the Rahmah Madani Umbrella initiative, addressing food waste through the MySaveFood Ramadan program, and enforcing Ops Pantau 2025 to protect consumers.

Meanwhile, she noted that as of March 20, 2025, 2,063 traders nationwide, including 122 traders across 13 BRR locations in Sabah, offered the Rahmah Menu for RM5 and below.

According to her, BRR 2025 introduced the Retail Digitalization Initiative (ReDI), which provides cashless incentives to traders and bazaar visitors. Through an RM20 e-wallet, 159,720 users benefitted.

The number of users is expected to increase by the end of Ramadan.

Fuziah also shared that Ops Pantau enforcement recorded 51,266 inspections nationwide, resulting in 274 cases and

1,128 complaints. As of March 21, 2025, KPDN issued 262 fines totaling RM59,500.

In Sabah, she said 3,662 inspections were conducted across 10 districts, including 711 inspections in Tawau, leading to action against three cases under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 (AKHAP) for the absence of price tags.

"Another case was recorded under the Weights and Measures Act 1972 for unverified weighing equipment during Ops Pantau 2025," she said.

Elaborating further, she said that the field visit demonstrated KPDN's commitment to ensuring consumer welfare through reasonable prices, reducing food waste, and protecting consumer interests throughout Ramadan.

She said that this collaborative effort helps alleviate the burden on the people and ensures a fair, sustainable, and responsible business ecosystem.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**

**PEKEDAI AMBIL TINDAKAN SEKAT WARGA ASING BELI BERAS PUTIH TEMPATAN (BPT)**

# TUNJUK MYKAD KAMI JUAL!

Sebilangan pedagai runcit dan tauke pasar raya menetapkan syarat bagi pembelian beras pulih tempatan (BPT) termasuk mewajibkan pelanggan menunjukkan MyKad sebagai bukti mereka warganegara. Langkah berkenaan diambil bagi mengelakkan pembelian oleh warga asing dan memastikan subsidi hanya dinikmati rakyat.

Lapor Nur Aisyah Behrisya Abd Razak dan Nur Afhirah Johar



# Tunjuk bukti kad pengenalan

Oleh Nur Aisyah  
 Batrisyia Abd Razak dan  
 Nur Athirah Johar  
 am@metro.com.my

Kuala Lumpur

Bberapa kedai runcit dan pasar raya di sekitar ibu kota didapati menetapkan syarat tertentu untuk pembelian beras putih tempatan (BPT) termasuk meminta pelanggan menunjukkan kad pengenalan sebagai bukti warganegara.

Tinjauan mendapati peniaga mengambil langkah sedemikian bagi mengelak BPT dibeli warga asing, sekaligus memastikan warganegara dapat menikmati komoditi itu pada harga bersaing.

Ada juga kedai didapati mengehadkan pembelian BPT hanya satu kampit untuk setiap keluarga bagi membolehkan lebih ramai pelanggan dapat membeli.

Peniaga, Sharon Pooi, 47, berkata, pihaknya baru saja menjual BPT dan mengambil langkah ketat bagi memastikan hanya warganegara boleh membelinya.

"Kami memeriksa kad pengenalan setiap pembeli bagi mengelakkan beras ini jatuh ke tangan warga asing. Di kedai saya, setiap keluarga dibenarkan membeli dua kampit beras," katanya ketika ditemui.

Dia berkata, kedainya tidak meletakkan notis berkenaan had pembelian, tetapi mewajibkan pelanggan menunjukkan kad pengenalan sebelum membuat

*Peniaga letak syarat elak beras putih tempatan dibeli warga asing*



MUHAMMAD ZUL FADHLI AZMIE, 23, menunjukkan kad pengenalan ketika membeli beras putih tempatan (BPT) di sebuah kedai serbaneka di Bangsar. Gambar kecil, notis pemberitahuan yang dipaparkan.

pembayaran.

Menurutnya, meskipun menunjukkan kad pengenalan, langkah itu tetap dinilai, nangka itu tetap dilakukan.

**"Kami memeriksa kad pengenalan setiap pembeli bagi mengelakkan beras ini jatuh ke tangan warga asing. Di kedai saya, setiap keluarga dibenarkan membeli dua kampit beras"**

Peniaga, Sharon Pooi

las mengenai had pembelian dua kampit beras tempatan bagi setiap keluarga.

"Kami juga memaparkan notis bahawa pelanggan perlu menunjukkan kad pengenalan sebelum beras tempatan ini boleh dibeli," katanya.

Yaw berkata, langkah itu bukan saja bagi memastikan beras subsidi dijual kepada mereka yang layak, tetapi mengelakkan sebarang salah faham dalam kalangan pelanggan.

Juruwang sebuah kedai, Nurul Huda Ispan, 28, putu berkata, kedainya menetapkan setiap keluarga hanya boleh membeli satu kampit beras saja.

"Ini bagi memastikan lebih ramai pelanggan dapat menikmatinya tapu kami tidak meletakkan sebarang notis mengenai perkara ini di kedai," katanya.

Februari lalu media melapor Kelebihan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan 24 juta kampit BPT seberat 10 kilogram akan berada di pasaran seluruh Semenanjung.

Pembelian itu dihadkan kepada dua kampit setiap bulan bagi 400,000 ketua rumah (KIR) miskin dan dijual pada harga RM26.

teruskan bagi memastikan golongan sasaran mendapat manfaat subsidi.

Seorang lagi peniaga yang mahu dikenali sebagai Yaw, 23, berkata, dia mengambil pendekatan lebih sistematis dengan meletakkan pemberitahuan je-



Mohamad Khairil yakin GMS membolehkan rakyat Selangor mendapatkan barang makanan pada harga yang murah.

Dapat atas gangguan rantaian bekalan makanan akibat kesan ekonomi global dan bencana

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY  
**PELAHUAN KLANG**

Kerajaan negeri Selangor melancarkan Gudang Makanan Selangor (GMS), inisiatif strategik bertujuan memperkuat rantaian bekalan makanan serta memastikan kestabilan harga bahan makanan bagi rakyat negeri ini.

Pelaksanaan gudang itu merupakan sebahagian usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan keselamatan makanan dan memperbaiki sistem bekalan agar harga keperluan harian kekal berpatutan.

Langkah dilaksanakan melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) itu turut diambil bagi menangani sebarang gangguan dalam rantaian bekalan makanan akibat ketidaktentuan ekonomi global, perubahan cuaca dan bencana alam.

Menyatakan, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, penubuhan GMS akan memberikan manfaat besar kepada rakyat, terutamanya golongan B40 dan M40, dengan memastikan mereka mempunyai akses kepada makanan berkualiti pada harga yang lebih stabil.

"Hari ini kita mulakan dengan satu juta kilogram (kg) bersamaan 1,000 tan untuk bekalan protein iaitu daging dan kita juga mempunyai 5,000 tan beras untuk keperluan masyarakat."

"GMS ini bukan sekadar sebuah pusat penyimpanan, tetapi ia berfungsi sebagai penghubung strategik dalam rantaian bekalan makanan mampan dan efisien."

"Ini adalah sebahagian daripada pendekatan holistik kita dalam memastikan rakyat tidak terbeban dengan ke naikan harga bahan makanan yang mendadak," ujarnya ketika ditemui pemberita



FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID

Amirudin (duduk, tengah) bersama tetamu melancarkan Gudang Makanan Selangor (GMS) di Tiong Nam Pelabuhan Klang pada Sabtu.

pada Sabtu.

Terdahulu beliau menyempurnakan majlis pelancaran GMS dan pengagihan daging kepada 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di Gudang Tiong Nam Logistics, Pelabuhan Klang.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir Izham Hashim serta beberapa pemimpin negeri lain.

Dalam pada itu, pelancaran gudang itu juga diharap dapat menjadi model kepada negeri-negeri lain dalam memperkuat bekalan makanan demi ke sejahteraan rakyat Selangor dan Malaysia amnya.

Menurut Amirudin, inisiatif itu bukan sahaja bertindak sebagai penyelesaian jangka pendek tetapi juga sebagai persediaan jangka panjang bagi menghadapi sebarang cabaran ekonomi dan sosial yang mungkin timbul pada masa hadapan.

"Pelancaran GMS ini merupakan bukti komitmen kerajaan negeri dalam menjadikan Selangor sebagai peneraju dalam sekuriti makanan negara.

"Kita mahu memastikan rakyat Selangor tidak hanya bergantung kepada bekalan luar, tetapi mempunyai sumber makanan yang lebih stabil dan mudah diakses pada harga berpatutan," ujarnya.

Beliau turut menjelaskan bahawa inisiatif itu sejajar dengan agenda kerajaan negeri dalam menarik pelaburan berkualiti dalam sektor agro-makanan, sekali gus membantu mengurangkan kebergantungan kepada import makanan yang sering terdedah kepada turun naik harga di peringkat global.

#### Langkah strategik

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS, Datuk Wira Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata, pelaksanaan GMS adalah hasil keprihatinan kerajaan negeri terhadap keperluan rakyat, terutamanya ketika berhadapan dengan krisis seperti bencana



Inisiatif yang dilancarkan Amirudin beri manfaat besar kepada rakyat dari golongan B40 dan M40 untuk makanan berkualiti pada harga stabil.

alam, penularan wabak dan gangguan bekalan makanan global.

Menurutnya, melalui GMS, kerajaan negeri telah berjaya mengumpulkan stok pinimbang beras putih Ehsan sebanyak 5,000 tan metrik serta 1 juta kilogram daging sejuk beku bagi memastikan rakyat Selangor tidak mengalami kesukaran mendapatkan bekalan makanan atas sekerasnya berlaku kenaikan harga atau kekurangan stok.

Beliau turut memaklumkan bahawa sejak tahun 2022, kerajaan negeri telah memperuntukkan lebih RM90 juta bagi pelaksanaan Jualan Ehsan Rahmah (JER) dan GMS, termasuk sumbangan daripada Kerajaan Negeri Selangor, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) serta dana dalaman PKPS sendiri.

"Setakat ini, kami telah melaksanakan pelbagai langkah strategik untuk memastikan gudang ini berfungsi dengan baik, termasuk bekerjasama dengan sektor swasta dalam memastikan sistem logistik dan penghantaran makanan ke pasaran lebih efisien."

"Kami juga menggunakan sistem pengurusan inventori berdasarkan teknologi pintar bagi memastikan penyimpanan dan pengagihan makanan dapat dilakukan dengan lebih cekap," ujarnya.

#### Harga lebih rendah

Beliau turut menjelaskan bahawa bekalan makanan daripada gudang ini akan disalurkan terus ke rangkaian Ehsan Mart dan program Jualan Ehsan Rahmah, yang membolehkan rakyat Selangor mendapatkan barang makanan dengan harga 15 hingga 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran.

Gudang ini juga akan berfungsi sebagai pusat penyimpanan pelbagai produk makanan termasuk beras, minyak masak, ayam, daging, serta barangan kering, bagi memastikan bekalan makanan di Selangor sentiasa mencukupi.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sentosa, Dr Gunaraj George berkata, pelancaran GMS dapat menjamin bekalan makanan negeri mencukupi manakala program pemberian daging dapat meringankan beban keluarga kurang berkemampuan.

"Usaha kerajaan negeri menerusi PKPS ini dapat pastikan barang keperluan seniasa ada dan jaminan harga berpatutan untuk rakyat Selangor," tambahnya.

Dengan pelaksanaan inisiatif ini, Selangor kini berada di landasan yang lebih kukuh dalam memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi, sekali gus mengurangkan impak kenaikan harga yang sering membebani rakyat.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 24 FEBRUARI 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
24-Mar	Toner tiruan bernilai lebih RM90,000 dirampas	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/toner-tiruan-bernilai-lebih-rm90000-dirampas/#google_vignette">https://www.buletintv3.my/nasional/toner-tiruan-bernilai-lebih-rm90000-dirampas/#google_vignette</a>	TV3
24-Mar	KPDN rampas toner tiruan bernilai RM90,000	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-rampas-toner-tiruan-bernilai-">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-rampas-toner-tiruan-bernilai-</a>	ASTRO AWANI
24-Mar	KPDN Kelantan rampas toner tiruan bernilai RM90,000	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2025/03/1375107/kpdn-kelantan-rampas-toner-tiruan-bernilai-">https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2025/03/1375107/kpdn-kelantan-rampas-toner-tiruan-bernilai-</a>	BERITA HARIAN
24-Mar	Nikmati Ramadan, Syawal dengan penuh kesyukuran	<a href="https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1375101/nikmati-ramadan-syawal-dengan-penuh-kesyukuran">https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1375101/nikmati-ramadan-syawal-dengan-penuh-kesyukuran</a>	BERITA HARIAN
24-Mar	Sindiket jual minyak pelincir tiruan di dua premis tumpas	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sindiket-jual-minyak-pelincir-tiruan-di-dua-premis-tumpas-513304">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sindiket-jual-minyak-pelincir-tiruan-di-dua-premis-tumpas-513304</a>	ASTRO AWANI
24-Mar	Cubaan seludup minyak diesel gagal	<a href="https://utusansarawak.com.my/cubaan-seludup-minyak-">https://utusansarawak.com.my/cubaan-seludup-minyak-</a>	UTUSAN SARAWAK
24-Mar	22 jenis barang ditetapkan di bawah SHMMP Hari Raya Puasa di Sibu	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/23/22-jenis-barangan-ditetapkan-di-bawah-shmmp-hari-raya-">https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/23/22-jenis-barangan-ditetapkan-di-bawah-shmmp-hari-raya-</a>	UTUSAN BORNEO
24-Mar	22 types of goods listed under festive price control	<a href="https://www.sarawaktribune.com/22-types-of-goods-listed-under-festive-price-control/">https://www.sarawaktribune.com/22-types-of-goods-listed-under-festive-price-control/</a>	SARAWAK TRIBUNE

24-Mar	KPDN Seizes Over 4,000 Suspected Counterfeit Goods At Senawang Aidilfitri Bazaar	<a href="https://www.malaysiannewsgazette.com/kpdn-seizes-over-4000-suspected-counterfeit-goods-at-senawang-aidilfitri">https://www.malaysiannewsgazette.com/kpdn-seizes-over-4000-suspected-counterfeit-goods-at-senawang-aidilfitri</a>	MALAYSIA GAZETTE
24-Mar	GMS perkukuh sekuriti makanan Selangor	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/719212/berita/nasional/sebagai-penghubung-strategik-dalam-rantaian-bekalan-">https://www.sinarharian.com.my/article/719212/berita/nasional/sebagai-penghubung-strategik-dalam-rantaian-bekalan-</a>	SINAR HARIAN